



24 Jun 2014  
24 June 2014  
P.U. (A) 169

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG DENGAN PROGRAM PEMBANGUNAN VENDOR) 2014

### *INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE IN RELATION TO VENDOR DEVELOPMENT PROGRAMME) RULES 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN  
BERHUBUNG DENGAN PROGRAM PEMBANGUNAN VENDOR) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Program Pembangunan Vendor) 2014.**

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014.

**Pemakaian**

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi syarikat induk—

(a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

(b) yang bermastautin di Malaysia;

(c) yang menyertai Program Pembangunan Vendor; dan

(d) yang menandatangani memorandum persefahaman dengan Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri di bawah Program Pembangunan Vendor dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2016.

### **Program Pembangunan Vendor**

3. (1) Program Pembangunan Vendor ialah suatu program yang diluluskan oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri, yang akan dilaksanakan oleh syarikat induk dalam membangunkan syarikat vendor baharu atau mengukuhkan pembangunan syarikat vendor sedia ada, di peringkat domestik dan antarabangsa.

(2) Syarikat vendor yang disebut dalam subkaedah (1) ialah suatu syarikat—

- (a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965;
- (b) yang bermastautin di Malaysia; dan
- (c) yang merupakan pengilang atau pembekal komponen, atau penyedia perkhidmatan kepada syarikat induk di bawah Program Pembangunan Vendor.

### **Potongan**

4. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu syarikat induk daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan ke atas amaun perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat induk itu untuk melaksanakan aktiviti yang berikut berhubung dengan Program Pembangunan Vendor dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu:

- (a) aktiviti berhubung dengan pembangunan produk iaitu pembangunan kualiti produk, inovasi produk atau penyelidikan dan pembangunan;
- (b) aktiviti berhubung dengan penambahbaikan kemampuan iaitu program pensijilan, program penilaian atau rekayasa semula proses perniagaan; atau